



Biografi Penulis Sabah

Penyelenggara
HAMZAH HAMDANI
JAPAR HAJI UNGHI
MELAN BUJANG
JENNITAH NOORDIN





A.B.M. FAJEER
(Mohamed Fajeer Awang Besar)

A.B.M. FAJEER atau nama sebenar Mohamed Fajeer Awang Besar dilahirkan di Sri Lanka pada 30 Disember 1952. Beliau mendapat pendidikan awal di SRK Berhala Darat dan Sekolah Menengah Sung Siew, Sandakan. Beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran ke Maktab Sabah, Kota Kinabalu.

Beliau memulakan kerjaya sebagai Penolong Pegawai Eksekutif di Lembaga Bandaran Sandakan (sekarang Majlis Perbandaran Sandakan) pada tahun 1972. Selepas itu beliau ditugaskan di Lembaga Bandaran Tawau (1974-1976) sebagai Pegawai Eksekutif. Beliau kemudiannya bertugas di North Borneo Timbers, sebuah syarikat swasta sebelum bertugas semula di Lembaga Bandaran Sandakan. Kini beliau bertugas sebagai Timbalan Presiden (I), Majlis Perbandaran Sandakan setelah memegang jawatan Setiausaha Majlis Perbandaran Sandakan sejak diwujudkan pada tahun 1982.

Beliau mula menghasilkan karya sastera semasa di sekolah menengah, hasil daripada minat dan pengaruh abang beliau iaitu Mohd. Sabar (Misba Ab). Puisi pertama beliau bertajuk *Ilham* tersiar di dalam akhbar *Kinabalu Sabah Times* pada 2 November 1968. Selain itu beliau juga menulis cerpen, rencana, kertas kerja dan skrip drama radio.

Puisi-puisi beliau sering tersiar di dalam akhbar-akhbar tempatan dan terdapat juga di dalam antologi puisi seperti *Gema Lembah Kinabalu*, *Nyanyi dari Desa*, *Siapakah Antara Kita* (1988), *Sewaktu Bertemu* (1986), *Rinduku Sebuah Nusa* (1995), *Tasbih Hayat* (2001) dan *Kita Kata Kita* (2004). Cerpen-cerpen beliau juga sering tersiar dalam radio dan akhbar dalam tahun 1970-an.

A.B.M. Fajeer juga aktif dalam kegiatan berspersatuan. Pada tahun 1972, beliau menjadi Penolong Setiausaha, Badan Bahasa Sabah (BAHASA) Cawangan Sandakan selain menjadi Pengerusi Jawatankuasa Kecil Sastera.

Beliau juga bertanggungjawab menubuhkan Persatuan Seni Tawau (PESTA) dalam tahun 1977. Sekembali beliau ke Sandakan dalam tahun 1979, beliau telah menubuhkan Warna-Warni Seni Sandakan (WARISAN).

Apabila Hadiah Sastera Sabah diperkenalkan oleh Badan Bahasa Sabah (BAHASA) pada tahun 1973 bagi karya-karya sepanjang tahun 1972, A.B.M. Fajeer merupakan salah seorang pemenang dalam kategori puisi.

Atas sumbangan beliau sebagai aktivis sastera di Sandakan, Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah telah menganugerahi beliau Tokoh Sastera Sandakan Dekad 80-an pada tahun 1991 sempena Perayaan Dasawarsa WARISAN. Beliau juga Penerima Anugerah Tokoh Penyair Islam Sabah Ke-11 bagi tahun 2004M/1425H.

A. BOLLY ASMARA (Suhaibul Ahmad)

SUHAIBUL AHMAD (Allahyarham) lebih dikenali sebagai A. Bolly Asmara dilahirkan di Kampung Takis, Papar pada 1 Ogos 1938. Beliau mendapat pendidikan awalnya di Government Primary School (G.P.S.) Papar selama lima tahun. Beliau kemudiannya meneruskan pelajarannya di Kent Teacher's Training College (K.T.T.C.) Tuaran selama dua tahun (1959-1960).

Pada 5 April 1966, A. Bolly Asmara mengikuti kursus bahasa di Maktab Perguruan Lembah Pantai, Kuala Lumpur. Setahun kemudian beliau mengikuti kursus bakal pensyarah di Maktab Perguruan Kent, Tuaran, Sabah. Pada 1 Januari 1985, A. Bolly Asmara telah dipindahkan bertugas di Bahagian Perjawatan di Ibu Pejabat Jabatan Pendidikan Sabah di Kota Kinabalu, Sabah.

A. Bolly Asmara merupakan seorang pelopor dalam bidang puisi. Mula menulis pada tahun 1954 bersama-sama rakan seangkatan beliau seperti K. Bali, Shuhaibun Yussuf, Seri Nanti, Rajuna Keningau, Ahmadony dan lain-lain telah memeriahkan ruangan sastera khususnya genre puisi di dalam pelbagai akhbar yang terbit ketika itu. Lebih kurang 200 buah puisinya telah disiarkan di dalam akhbar *Sabah Times*, *Kinabalu Sabah Times* dan *Daily Express*.

Antologi puisi perseorangan beliau yang bertajuk *Riak Merah* diterbitkan oleh DBP Cawangan Sabah. Sajak-sajak yang beliau cipta banyak berkisar tentang kehidupan, kemanusiaan, ketuhanan dan pendidikan. Beliau juga peka tentang alam semula jadi. Karya-karya A. Bolly Asmara turut dimuatkan di dalam antologi puisi *Gema Teluk Kimanis* yang diterbitkan pada tahun 1975.

Apa yang jelas karya-karya beliau menggambarkan pandangan, perasaan dan

luahan rasanya terhadap keadaan semasa yang berlaku pada waktu itu. Selain puisi, A. Bolly Asmara juga bergiat dalam penulisan cerpen. Seperti dalam bidang puisi, cerpen-cerpen beliau juga berkisar tentang persoalan kehidupan, kemanusiaan dan sebagainya. Namun begitu, A. Bolly Asmara tidak begitu menonjol dalam bidang cerpen.

A. Bolly Asmara meninggal dunia pada 27 Julai 1985 ketika berumur 44 tahun. Sebagai pelopor kepada perkembangan puisi di Sabah, sumbangan beliau sudah pasti akan dikenang dan dengan terbitnya antologi solo beliau bertajuk *Riak Merah*, yang akan menjadi bukti tentang sumbangan dan jasanya terhadap perkembangan puisi di Sabah.



A. KARIM KADIR
(Awang Karim Abdul Kadir)

AWANG KARIM ABDUL KADIR atau lebih dikenali dengan nama A. Karim Abdul Kadir dilahirkan pada 4 Februari 1964, di Kampung Jambongan, Sandakan. Beliau mendapat pendidikan awal dan menengah di daerah Kudat hingga lulus SPM. Beliau pernah bertugas sebagai guru dan kerani pos. Bertugas di Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia Wilayah Sabah sebagai Penolong Pegawai Kebudayaan dan kini bergiat dalam perniagaan dan politik.

Beliau mula meminati genre puisi apabila berdamping dengan sahabat-sahabat beliau iaitu Soibil Madun dan Mohd. Zain Assoh. Karya-karya beliau termuat di dalam akhbar seperti *Sabah Times*, *Daily Express*, *Dewan Sastera* dan *Majalah Mestika*. Puisi dan cerpen beliau termuat di dalam antologi *Serindit Pagi*, *Luka Bosnia*, *Perkasihan Musim*, *Kiswah Rindu* dan *Gema Membela Gema* (1993). Manakala cerpen beliau termuat di dalam antologi *Bintang di Langit Lain*, *Bagai Camar di Lautan*, *Fenomena*,

Pengabdian dan Antara Dua Hati. Beliau juga telah menghasilkan sebuah novel berunsur sejarah berjudul *Jejak Gerila* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Selain terlibat dalam bidang penulisan kreatif, beliau juga merupakan seorang yang aktif dalam bidang teater, khususnya di Sabah. Beliau mula terlibat dalam bidang teater pada awal tahun 1979 di bawah bimbingan Saudara Jamil Arif bersama-sama grup teater *Suara ke-3* di Kudat.

Pada tahun 1985, beliau telah menubuhkan kumpulan teater iaitu Teater Generasi Baru (TERAJU). Pada tahun tersebut juga beliau telah menulis, mengarah, berlakon dalam karya pertama beliau bertajuk *Puteri Laut*.

Antara drama arahan beliau antara tahun 1985-1992 ialah *Bos*, *Persidangan Ramarama* dan *Puteri Nabahu* yang merupakan karya beliau di samping drama *Malam ke-100* dan *Bukan Bunuh Diri*. Drama terakhir yang beliau terlibat ialah *Korporat* karya dan arahan Hatta Azad Khan yang dipentaskan di Matic, Kuala Lumpur. Selain itu beliau pernah mengarahkan drama *Paduka* dan *Buniku Oh! Bumiku*.

Beliau pernah memimpin Kumpulan Teater Generasi Baru (TERAJU), Ketua Satu Kumpulan Seniman-seniman Utara Ke-3 (Suara Ke-3) dan sekarang sebagai Ketua Penerangan, Badan Bahasa Sabah (BAHASA).

Cerpen beliau *Binatang 14 Lalavang* pernah memenangi dua hadiah iaitu Hadiah Cerpen Maybank/DBP dan Hadiah Sastera Sabah 1992/1993. Beliau juga pernah menjadi Penulis Anak Angkat Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah pada tahun 1989 dalam genre drama, di bawah bimbingan Saudara Othman Zainuddin.



ABD. LATIFF HAJI SAPRIN

Selain menulis dan berkarya beliau juga aktif dalam pertubuhan bukan kerajaan dan kegiatan politik. Pernah menjadi Ketua Bahagian Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) Kuala Penyu (1980-1988), Ahli Majlis Tertinggi USIA dan Setiausaha Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO) Bahagian Kuala Penyu. Kini beliau menetap di Kota Kinabalu dan menjalankan perniagaan.

ABD. LATIFF HAJI SAPRIN dilahirkan pada 12 Oktober 1953, di Kampung Kerukan Kuala Penyu. Memulakan persekolahan di SRK Kerukan, SRK Pekan Labuan dan kemudian bersekolah di SMK St. Peter, Bundu Kuala Penyu. Beliau kemudian mengikuti kursus sebagai pembantu perubatan di Hospital Duchess of Kent, Sandakan dan kemudian berkhidmat di Hospital Beaufort, Kuala Penyu, Sipitang dan Kota Kinabalu sebelum bersara pilihan selepas berkhidmat selama 16 tahun dalam perkhidmatan kerajaan.

Mula menulis karya kreatif pada tahun 1972 dalam genre cerpen, puisi dan menulis berita semasa di dalam akhbar *Sabah Times*, *Daily Express* dan *Sinar USIA*. Artikelnya bertajuk *Sana Sini di Kuala Penyu*, merupakan hasil tulisannya yang pertama tersiar di dalam akhbar *Sabah Times*. Beliau merupakan Pengerusi Gabungan Penulis Sabah (GAPURA) daerah Kuala Penyu. Sering menggunakan nama pena Lahuma dalam berkarya.



ABD. NADDIN HAJI SHAIDDIN

ABD. NADDIN HAJI SHAIDDIN lahir di Kampung Gunding, Kota Belud pada 26 Februari 1969. Beliau mendapat pendidikan awal di SRK Tamau (1975-1980) sebelum melanjutkan pendidikan menengahnya di SMK Taun Gusi (1981-1985).

Kerjayanya bermula sebagai Pegawai Pembanci di Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA 1987-1989). Kemudian bertugas sebagai penyelidik di Haykal Associates (1990-1992) sebelum dilantik sebagai Pembantu Tadbir, di Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah (1992-1994). Selepas itu, beliau menceburi bidang kewartawanan sejak tahun 1994 hingga kini.

Beliau merupakan salah seorang pengasas Ikatan Penulis Sabah (IPS) pada tahun 1990 dan menjadi Ketua II hingga kini. Selain itu, beliau juga melibatkan diri dalam kegiatan sosial dan kemasyarakatan. Beliau dilantik sebagai Ahli Majlis Tertinggi Persatuan Bumiputera Iranun Sabah (PISBA) ketika berusia 18 tahun

pada 1987. Beliau pernah menjadi Pegawai Penerangan PISBA. Kini beliau merupakan Ketua Penerangan Persatuan Bahasa dan Kebudayaan Iranun (BKI). Beliau juga merupakan Setiausaha Institut Penilaian Sastera (INPES). Beliau juga merupakan salah seorang Ahli Jawatankuasa Penyelidik Bahasa Sukuan Sabah/Sarawak dan mempengerusikan Jawatankuasa Penyelidik Bahasa Iranun. Dalam kegiatan dakwah, beliau merupakan Pegawai Seranta, Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) sejak 1996.

Beliau turut serta dalam hampir semua kegiatan sastera di Sabah sejak tahun 1986. Kegiatan lain yang pernah disertai antaranya Perkampungan Sasterawan, Hari Puisi Nasional, Hari Sastera, Minggu Sastera Sabah, Nadwah Ulama Nusantara, Multaga Ulama Sedunia, Kongres Kebudayaan Kebangsaan, Pertemuan Budayawan Serantau dan lain-lain. Beliau pernah terpilih mewakili Sabah dalam Kembara Bahasa Peringkat Kebangsaan dalam tahun 2002.

Karyanya yang pertama tersiar di dalam *Sabah Times* pada 13 Disember 1987 ialah sebuah puisi bertajuk *Tanpa Judul* menggunakan nama pena W.S. Inawan Sh. Dalam bidang penulisan kreatif beliau juga menggunakan nama pena Fattahassanqahhar, F.H.Q. dan Fauzan Tawfiq. Cerpennya pernah tersiar di dalam pelbagai antologi seperti *Tugu di Tengah Kota* dan akhbar seperti *Sabah Times*, *Borneo Mail*, *Media Permata* dan *Berita Minggu*. Puisinya tersiar di dalam akhbar *Sabah Times*, *Daily Express*, *Borneo Mail* dan antologi *Kun, Guru Oh Guru*, *Gema Membelah Gema 9*, *Jalan ke Hujung Taman*, *Meniti Kasih*, *Sejambak Bunga Emas* dan lain-lain. Esei-esainya pernah tersiar di dalam *Utusan Borneo*, *Berita Harian* dan *Dewan Sastera*.

Abd. Naddin pernah memenangi anugerah Tinta Sastera 2002, dan Hadiah Kewartawanan DBP 2003 di Kuala Lumpur. Kini beliau berkhidmat di akhbar *The Borneo Post* sebagai wartawan.



WITER GUNIK

WITER GUNIK dilahirkan pada 23 Mei 1969, di Kampung Merakau, Ranau. Menerima pendidikan rendah dan menengah di kampung kelahirannya. Pernah menjadi guru sandaran di SK Langsat Ranau (1990-1991) sebelum mengikuti latihan perguruan di Maktab Perguruan Gaya, Kota Kinabalu pada 1991. Sesudah tamat latihan pada 1993, ditempatkan di SK Randagong, Ranau. Bermula pada November 1998, mengikuti pengajian sepenuh masa di Universiti Putra Malaysia dalam program Sarjana Muda Sastera dengan dwimajor Bahasa dan Linguistik Melayu, dan Penulisan Kewartawanan. Bermula pada Oktober 2001, bertugas sebagai pendidik di SMK Timbua, Ranau. Juga pernah menjadi penyumbang ilustrasi bagi cerpen-cerpen yang disiarkan di akhbar *Borneo Mail* (1991-1994).

Cerpen pertama beliau *Dedikasi untuk Arbainah* tersiar di dalam akhbar tempatan Sabah, *Borneo Mail* pada 22 Mei 1991. Cerpen keduanya tersiar di dalam akhbar

Borneo Mail bertajuk *Songgorib* pada 15 Februari 1992, cerpen *Cassandra*, *Borneo Mail* 14 Januari 1992, cerpen *Sekilas*, *Borneo Mail*, 27 September 1992 dan cerpen *Yenko Witososhito* San tersiar di dalam akhbar *Borneo Mail* pada 21 Mei 1995 di ruangan *Laman Karyawan DBP*, cerpan *Dunia Kecilku* tersiar di dalam akhbar *Borneo Mail* pada 18 Jun 1995 di ruangan *Laman Karyawan DBP*.

Beliau terus berkarya dan menghantar karyanya ke akhbar tempatan Sabah dan *Wadah* terbitan DBP Cawangan Sabah. Beliau sering menyertai berbagai-bagai peraduan menulis. Kegigihan berkarya ini telah mengangkat tahap penulisannya ke tahap yang amat membanggakan. Pada tahun 1991, beliau sekali lagi mendapat hadiah pertama Peraduan Mengarang Cerpen anjuran Persatuan Pembantu Pusat Sumber, Maktab Perguruan Gaya, Kota Kinabalu. Pada tahun 1993, beliau memenangi hadiah sagu hati Peraduan Menulis Cerpen anjuran Jawatankuasa Gerakan Membaca Peringkat Negeri Sabah, diterbitkan oleh Perpustakaan Negeri Sabah di dalam antologi bersama *Hati Kristal*. Pada tahun 1994, beliau sekali lagi memenangi hadiah sagu hati Sayembara IX Cerpen Hadiah ESSO-GAPENA 1994 diterbitkan oleh DBP di dalam antologi bersama *Sayembara IX*. Kini beliau berkhidmat sebagai guru di SMK Timbua, Ranau.



YATIM TAUBATAL ANDAM

YATIM TAUBATAL ANDAM dilahirkan pada 5 Mei 1964, di Kota Kinabalu. Beliau menggunakan nama pena Yatim Ahmad dalam karya-karyanya. Beliau mula melibatkan diri dalam bidang penulisan sejak tingkatan tiga di Sekolah Menengah Putatan. Karya pertama beliau iaitu puisi disiarkan di dalam *Daily Express* pada tahun 1981. Karya beliau banyak tersiar di dalam akhbar-akhbar tempatan iaitu *New Sabah Times*, *Daily Express*, *Borneo Post*, *Borneo Mail*, *Wadah* dan *Jendela Sabah*. Sepanjang penglibatannya dalam dunia penulisan, beliau telah menghasilkan lebih daripada seratus buah puisi. Beliau mula melibatkan diri dalam bidang penulisan cerpen pada tahun 2003, dan cerpen pertama yang tersiar bertajuk *Kembang Putik Bunga Terakhir* yang disiarkan di dalam *New Sabah Times*. Pernah memenangi Hadiah Sastera Sabah 2002/2003 genre cerpen.

ZAHATI

(Azizah binti Lakim)

AZIZAH BINTI LAKIM atau nama samaran beliau iaitu Zahati merupakan penyair wanita Sabah yang muncul pada tahun 1956. Sebelum itu nama-nama penyair lelaki mula muncul pada awal tahun 1950-an seperti A.Bolly Asmara, Emha Sabah, K. Bali, Mujapandi dan lain-lain telah mula memmeriahkan perkembangan puisi di Sabah ketika itu. Walaupun begitu, negeri Sabah masih lagi ketandusan penyair-penyair daripada golongan wanita.

Zahati dilahirkan di Singapura pada tahun 1937. Pada ketika itu ayahnya bertugas di Singapura. Semasa berumur tiga belas tahun, iaitu pada tahun 1950, beliau dan keluarganya pulang ke Sabah (ayahnya berasal dari negeri Sabah).

Beliau mendapat pendidikan Inggeris dan Melayu di Singapura. Setelah berhijrah ke Sabah, beliau ditawarkan oleh Jabatan Pendidikan untuk menjadi guru di Sekolah Melayu Papar pada tahun 1952. Beliau mengajar di sekolah itu selama setahun.

Pada bulan Februari 1953, Zahati melanjutkan pelajarannya di Maktab Perguruan Kent, Tuaran. Pada masa itu Maktab Perguruan Kent merupakan satu-satunya maktab perguruan yang terdapat di Sabah dan guru-guru dari Brunei Darussalam juga dihantar mengikuti latihan di maktab tersebut.

Setelah lulus daripada Maktab Perguruan Kent pada tahun 1955, Zahati bertugas di Tuaran. Zahati juga pernah mengikuti Kursus Sains Rumah Tangga di England.

Zahati mula berkarya pada tahun 1956. Beliau banyak menulis puisi yang kebanyakannya disiarkan di dalam akhbar *North Borneo And Sabah Times*. Kebanyakan puisi yang dihasilkannya bertemakan pendidikan, masalah sosial

seperti kemiskinan dan kemunduran masyarakat.

Dalam sajaknya berjudul *Maju*, tema pendidikan diutarakan oleh beliau. Sebagai seorang pendidik, beliau dalam puisinya itu mengharapakan agar anak watan sentiasa berusaha menambah ilmu, jangan lekas putus asa dan percaya kepada diri sendiri.

Selain itu, beliau juga mengimbau kembali zaman remajanya dalam puisinya bertajuk *Kesunyian Kalbu* yang tersiar di dalam majalah Angkatan Gaya Baru (AGABA) keluaran Julai 1957. Zahati juga mengemukakan persoalan cinta muda-mudi seperti puisinya yang bertajuk *Hanya Bayangan* (*Sabah Times*, 22 Oktober 1956). Dalam puisinya *Keluhan Si Miskin*, beliau mengemukakan persoalan kemiskinan golongan bawahan. Antara tahun 1956 hingga tahun 1957, Zahati telah menulis kira-kira sepuluh buah puisi (catatan K. Bali).

Selain bergiat dalam penulisan puisi, Zahati juga mempunyai bakat dalam bidang lakonan, terutama drama radio. Beliau pernah berlakon beberapa buah drama radio bersama kumpulan Angkatan Gaya Baru (AGABA).

Nama Zah atau Zahati mula hilang menjelang tahun 1958 apabila puisi-puisinya tidak lagi tersiar di dalam surat khabar. Beliau dikatakan telah meninggalkan Sabah kerana mengikuti suaminya yang bertugas di Kuala Lumpur. Namun, beliau tetap dianggap sebagai pelopor penyair wanita di Sabah.



ZAITON AJAMAIN

HAJAH ZAITON AJAMAIN dilahirkan pada 1 Disember 1952, di Kampung Buang Sayang, Papar, Sabah. Mendapat pendidikan sekolah rendah di Papar, sebelum melanjutkan pelajaran menengahnya di Maktab Sabah, Kota Kinabalu. Beliau kemudiannya melanjutkan pelajarannya di University of Newcastle Upon Tyne, England dalam bidang kritikan dan apresiasi drama. Kini beliau bertugas di Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur sebagai Pegawai Perancang Bahasa. (Ketua Bahagian Kesusasteraan Melayu Antarabangsa).

Beliau mula menulis dalam tahun 1968. Beliau sering menggunakan nama pena seperti Zarni, Zaiton Aji dan Norzaiton Aji. Sejak tahun 1970, beliau menggunakan nama sebenar dan sekali sekala menggunakan nama pena Dang Jijah, Siti Zakiहतun dan Azjalailatul Farhan.

Dalam bidang penulisan, beliau menulis puisi, cerpen dan esei/kritikan. Karya pertama beliau iaitu puisi berjudul

Diplomasimu tersiar di dalam majalah *BORNEAN* terbitan Sekolah Maktab Sabah, Kota Kinabalu pada tahun 1965. Puisi pertama beliau yang tersiar di dalam akhbar ialah *Sepasang Bunga Kembang* (*Daily Express*, 27 Julai 1970). Beliau mula menulis cerpen dalam tahun 1970 untuk dihantar ke radio (RTM).

Karya-karya beliau dalam bidang puisi, cerpen dan cerita rakyat, dibukukan di dalam antologi bersama seperti *Berhati Nabi Berwajah Ibu* (1979), *Gema Membelah Gema 7* (1979), *Suara ASAS* (1981), *Titian Rasa* (1983), *Rakaman Rasa* (1987), *Antologi Puisi Semantan* (1984), *Kekasih* (1987), DBP-MUIS), *Ujana Laut Ujana Hati* (1989) *Mengenangmu Puisi-puisi Melayu Berunsur Islam 1983-1986* (1989), *Puisi Baharu Melayu 1961-1986* (1990), *Hadiah Hari Lahir* (1990), *Nyanyi dari Desa* (1990), *Jalan ke Hujung Taman* (1991), *Al-Kahfi* (1992) dan *Temu Puisi III* (1992).

Kumpulan puisi perseorangan beliau pula ialah *Bagai Layang-layang* (1991, DBP-GAPENA). Selain itu cerpen-cerpen beliau juga terdapat di dalam antologi *Medang dan Itulah Ceritaku* (cerpen remaja), *Angin dari Timur* (1993) dan *Merening* (1994). Karya-karya beliau juga tersiar di dalam akhbar dan majalah seperti *Sabah Times*, *Daily Express*, *Berita Minggu*, *Dewan Siswa*, *Dewan Sastera*, *Bahasa*, *Dewan Masyarakat* dan majalah *Wadah*.

Zaiton Ajamain pernah memenangi Hadiah Sastera Sabah 1988/1989 melalui puisinya bertajuk *Bagai Kerdipan yang Telah Sirna* dan puisi *Suatu Waktu Merindu* dan Puisi *Reaksi kepada Integrasi* memenangi Hadiah Sastera Sabah 1992/1993. Beliau Menerima *Anugerah Tokoh Penyair Islam Sabah* tahun 1995 dan dikurniakan pingat Bintang Setia Kinabalu (B.S.K.) pada tahun 1999.

**ZEICK**

(Mohamad Razeek bin Sheik Hamid)

MOHAMAD RAZEEL BIN SHEIK HAMID dilahirkan pada 30 Mac 1962. Bertugas sebagai Penyelia Letak Kereta Kanan, Majlis Perbandaran Sandakan (MPS). Dalam berkarya beliau lebih dikenali dengan Zeick.

Mula menulis puisi pada tahun 1981. Puisinya pernah memasuki saringan akhir untuk Hadiah Sastera Malaysia 1984/1985 dan pernah memenangi beberapa peraduan menulis yang lain. Pada tahun 1985, Persatuan Warna-Warni Seni Sandakan (WARISAN) menobatkan beliau sebagai Penulis Prolifik Sandakan. Karya beliau tersiar di dalam akhbar tempatan dan di dalam beberapa buah antologi seperti *Sewaktu Bertemu*, *Randau di Pulau* dan *Rindu Sebuah Nusa*. Menganggotai WARISAN sejak tahun 1981 hingga kini dan pernah menjadi Ketua, Setiausaha, Penolong Setiausaha dan AJK WARISAN.



Biografi Penulis Sabah

PENERBITAN Biografi Penulis Sabah merupakan penerbitan yang julung kalinya diterbitkan oleh DBP Cawangan Sabah. Seramai 144 orang penulis Sabah telah disenaraikan di dalam buku ini. Mereka merupakan penulis veteran, penulis 1950-an, penulis dekad ini dan sebahagian penulis muda yang masih aktif berkarya. Melalui buku ini pembaca akan dapat mengetahui sedikit sebanyak latar belakang penulis, penglibatan mereka dalam penulisan, kerjaya masa lalu dan kini serta kejayaan-kejayaan para penulis dalam bidang penulisan dan kesusasteraan tanah air. Walaupun tidak semua penulis dapat disenaraikan namun sebahagian besar penulis Sabah yang telah mewarnai persada kesusasteraan negeri Sabah ini dapat dimuatkan dalam buku ini bagi memudahkan para pembaca, pengkaji dan peminat sastera mengenali dengan lebih dekat para penulis negeri Sabah ini. Penerbitan biografi ini sudah tentu dapat dimanfaatkan oleh pelbagai pihak dan sudah pasti buku ini akan menjadi rujukan utama pelbagai pihak terutama para pelajar di institusi pengajian tinggi, para pengkaji serta peminat sastera dan sesiapa juga yang ingin membuat kajian terhadap para penulis Sabah.

ISBN 983-62-8488-5



9 789836 284884